

>

04 AUG 2004

Mahathir-Sains

SAINS TIDAK HAKIS KEPERCAYAAN KEPADA AGAMA, KATA DR M

PULAU PINANG, 4 Ogos (Bernama) -- Kekeliruan atau kepercayaan bahawa sains akan menghakis kepercayaan kepada agama akan menyebabkan orang Islam yang memang memegang kuat kepada agama akan menolak sains.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun sains sekarang memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan manusia, tetapi ia menjadi masalah kepada orang Islam jika ada kekhuatiran sama ada ia akan menghakis atau menghapuskan kepercayaan mereka kepada agama.

"Oleh itu, janganlah kita kluatir bahawa mempelajari sains akan menghakis iman kita dan kepercayaan kita terhadap agama. Sebenarnya kita menunaikan satu kewajipan, satu daripada fardhu kifayah dengan mempelajari sains," katanya.

Beliau berkata demikian pada upacara Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) ke-33 di sini hari ini. Pada upacara itu beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains daripada Raja Permaisuri Agong yang juga Canselor USM, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Pro-Canselor USM Tan Sri Dr Lin See-Yan dan Naib Canselor USM Prof Datuk Dzulkifli Abdul Razak.

Dr Mahathir berkata, sebagai seorang yang terlatih dalam bidang perubatan dan menghadapi cabaran sains dalam pelbagai aspek kehidupan, beliau terpaksa membuat penjelasan terutamanya mengenai apa sebenarnya ilmu sains dan kesannya yang perlu diperjelaskan.

Beliau berkata, jika orang Islam menolak sains akan membawa kesan tertentu kepadanya dan mungkin menjadikan mereka terus lemah.

"Saya terpaksa membuat penjelasan ini kerana ada penuntut yang baik menolak pelajaran sains kerana kononnya tidak mendatangkan apa-apa pahala dan tidak berfaedah," katanya.

Beliau berkata, pendapat itu adalah salah kerana ilmu sains

boleh
mengukuhkan lagi iman dan akan menyumbang kepada kesejahteraan serta
kebahagiaan hidup orang Islam dan negara Islam.

"Banyak lagi ilmu yang dikuasai dan diterokai serta diperluaskan
oleh
para ilmuan Islam yang sekarang ini tidak dipelajari dan digunakan
oleh
orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara ini berlaku kerana pada suatu masa
dahulu,
ada sesetengah ulama Islam berpendapat dan mengembangkan tafsiran
dan
ajaran yang menolak ilmu yang lain daripada agama Islam dipelajari.

"Itu kononnya kerana ilmu lain tidak memberi faedah dan pahala
kepada
mereka yang menuntutnya. Fahaman ini menyebabkan sesetengah orang
Islam
menjadi jahil dalam bidang sains dan matematik serta lain-lain
bidang yang
tidak khusus kepada agama Islam," katanya.

Beliau berkata, hasilnya ialah ada umat Islam tidak dapat
dibangun dan
dimajukan seperti umat Islam sebelum tafsiran menolak pelajaran yang
bukan
Islam itu dibuat oleh ulama Islam berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan membuat keputusan untuk
menguasai
ilmu sains dan matematik kerana negara ketinggalan dalam kedua-dua
bidang
itu dan keputusan itu bertujuan memajukan bangsa dan agama supaya
tidak
terus ditindas.

Katanya, bagi menguasai dan maju dalam kedua-dua bidang ilmu
itu,
kerajaan memilih bahasa Inggeris tanpa membelakangkan bahasa
Malaysia.

-- BERNAMA
SA BK